

Kes syiling emas: Kerajaan tunggu siasatan

PULAU PINANG 19 Julai — Kerajaan akan mengambil sikap tunggu dan lihat berhubung laporan yang mengatakan seorang tokoh dari Malaysia telah melepaskan 6,400 paun sterling dalam bentuk kepingan syiling emas yang diserahkan kepadanya sebagaimana yang didakwa dalam laporan sebuah akhbar antarabangsa semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika berkata demikian menambah, adalah lebih baik untuk kerajaan melihat dahulu hasil siasatan yang sedang dilakukan oleh Bank Standard Char-

tered berhubung dakwaan tersebut.

Kata Dr. Mahathir, sementara menunggu siasatan itu selesai, kerajaan tidak akan membuat sebarang ulasan rasmi mengenai-nya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan bangunan baru Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang di Bayan Lepas petang ini.

Akhbar *Financial Times* dalam laporannya hari ini mendakwa Bank Standard Chartered sedang menyiasat kes kehilangan 6,400

paun dalam bentuk kepingan syiling emas yang diserahkan oleh Bahagian Jongkong Emasnya kepada seorang tokoh Malaysia untuk dijadikan contoh.

Kepada soalan apakah laporan ini juga mirip ke arah usaha terbaru media Barat untuk mencemarkan imej Malaysia, Dr. Mahathir sambil tersenyum menjelaskan,

“Yalah...jika datang dari sebuah negeri di mana seribu paun harganya untuk buat soalan dalam Parli-
men...kita tak berapa percaya lagilah.” (Berita kenyataan Standard Chartered di muka 17)